

# Kisah dermawan Hajah Fatimah jadi inspirasi pementasan

Drama paparkan kisah seorang perintis dan dermawan dari Malaya

► **NURMAYA ALIAS**  
nurmaya@sph.com.sg

PADA awalnya, pelakon teater Siti Zuraida Abdul Rahim menyangka karya teater *Three Inches of Alive* adalah satu kisah benar.

Karya Cik Clarilyn Khoo itu menceritakan perjalanan seorang ahli arkib yang mengupas kehidupan Leila 'Anjung' Keats, seorang perintis dan dermawan dari Malaya dan juga seorang artis dan penyair berbakat.

"Cara karya itu ditulis sungguh meyakinkan, tetapi saya kemudian mendapat tahu bahawa ia bukan kisah benar," kata Siti Zuraida, 33 tahun.

Dalam pementasan nanti, Siti Zuraida memainkan watak Anjung – anak kacukan Inggeris dan Melayu.

Penulis karya, Cik Khoo, menghasilkan karya itu setelah tercetus ilham daripada seorang suri dermawan Singapura, Hajah Fatimah Sulaiman, yang mewakafkan tanah rumahnya bagi tapak masjid yang kini dikenali sebagai Masjid Hajah Fatimah.

Idea menulis tentang dermawan itu timbul semasa Cik Khoo menyertai satu peraduan menulis skrip tahunan, Pertandingan 24-Hour Playwriting, yang menggalakkan peserta mendekati budaya Melayu.

Peraduan anjuran Theatreworks dengan kerjasama Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) South East itu diadakan di Pusat Warisan Melayu dan karya Cik Khoo dipilih untuk dipentaskan.

Cik Khoo merupakan seorang penuntut dalam jurusan bahasa Inggeris dan Sastera di Universiti Nasional Singapura.

Menurut Cik Khoo, beliau mengingatkan semula kisah Hajah Fatimah – satu-satunya perintis wanita Melayu Singapura yang beliau pelajari daripada subjek pengajian sosial – semasa menulis skrip.

Beliau juga pernah mengunjungi masjid bersejarah itu semasa di sekolah menengah.

Jalan cerita seterusnya menunjukkan ahli arkib itu mendapati beberapa maklumat yang tidak konsisten selepas Anjung meninggal dunia.

Antaranya ialah karya seni daripada satu sumber misteri dan ini membuat ahli arkib ingin tahu siapakah penciptanya.

Ahli arkib lakonan Gyan Lee itu juga tertarik pada satu lagu ghazal yang tidak bertajuk dengan ayat permulaan, "Give me your hand" (Hulurkan tangan anda).

Penonton akan menyaksikan ahli arkib itu kian tertarik dengan setiap butir kehidupan Anjung.

Siti Zuraida, yang selalunya memainkan peranan ceria dan suka mengusik, mendapati beliau perlu menyuntik sifat serius tatkala membawa watak Anjung.

"Anjung seorang wanita yang bijak dan berpendidikan tetapi ada kalanya beliau mengalami kesedihan kerana berasa terpinggir daripada masyarakat.

"Sebagai pelakon, saya suka memainkan wataknya yang mudah beralih daripa-

da seorang yang serius kepada seorang yang suka mengusik," kata Siti Zuraida.

Pengarah pementasan teater itu, Irfan Kasban, berkata bahawa karya teater tersebut menyarankan penonton merenung kembali sejarah dan warisan Singapura.

"Singapura bergerak dengan pantas dan kita mudah lupa tentang peristiwa yang berlaku 10 tahun lalu.

"Karya ini menggalakkan kita berfikir sejenak tentang asal usul tempat di sekeliling Singapura, misalnya kenapakah jalan raya seperti Jalan Kubor dan Jalan Kledek dinamakan begitu," kata Irfan, 27 tahun.


Buat pertama kalinya, Irfan mengarah satu pementasan teater tulisan orang lain.

"Skrip ini padat dengan teks dan tidak mempunyai elemen komedi. Saya mengkaji bagaimana saya boleh menyuntik humor dalam pementasan ini dengan perbincangan bersama penulisnya," kata Irfan.

Persembahan teater selama 40 minit itu akan dipentaskan dalam bahasa Inggeris.

Sesi dialog akan diadakan selepas setiap pementasan bagi menggalakkan perbincangan antara kumpulan kreatif dan penonton.

► *Three Inches of Alive* akan dipentaskan di pusat persembahan Balai Rakyat Mountbatten pada hari ini hingga lusa; di auditorium Pusat Warisan Melayu pada 13-15 Mac dan di Balai Rakyat Siglap South pada 20-21 Mac. Tempat duduk boleh ditempah menerusi laman <http://threeinchesofalive.eventbrite.sg>.



**DRAMA BERDASARKAN SEJARAH:** Irfan Kasban dan pelakon Siti Zuraida dalam pementasan terbaru, *Three Inches of Alive*. – Foto: TUKIMAN WARJI